

**FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA TINGKAH LAKU
DELINKUEN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH KENINGAU, SABAH**

KENNEDY BIN ALIP


**DESERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 Mei 2013



KENNEDY BIN ALIP
PT 20107339C

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL : FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA TINGKAH LAKU DELINKUEN
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH, KENINGAU.**

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : KENNEDY BIN ALIP

SESI PENGAJIAN : 2010/2011

Mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


☐

TERHAD

☒

TIDAK TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


(KENNEDY BIN ALIP)

Tarikh: 10/7/2013


JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh


(DR. ABDUL SAID AMBOTANG)

Tarikh: 10/7/2013

Catatan :- *Potong yang tidak berkenaan.

*** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada yang saya hormati dan segani Dr. Abdul Said Ambotang selaku penyelia dalam kajian ini diatas segala nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan dorongan tanpa jemu sehingga kajian ini dapat disiapkan dan menepati syarat yang ditetapkan. Jasamu dan pengorbanan sentiasa dikenang.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya hadiahkan kepada semua pensyarah UMS terutamanya pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang banyak memberi ilmu pengetahuan. Penghargaan juga diberikan kepada Pegawai Pendidikan Daerah Keningau, Pengetua , guru-guru dan kaunselor sekolah yang terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala bantuan dan sokongan dirahmati oleh Allah.

Ucapan Penghargaan dan terima kasih ini juga saya dedikasikan kepada isteri, anak-anak saya , ahli keluarga, saudara mara dan rakan-rakan saya yang banyak berkorban dan memberi sumbangan dari segi material dan spiritual kepada saya dalam mengharungi cabaran menuntut ilmu ini sehingga selesai. Semoga hubungan yang murni dan erat ini kekal berpanjangan sehingga akhir hayat.

ABSTRAK

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA TINGKAH LAKU DELINKUEN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KENINGAU

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penyebab berlakunya tingkah laku delinkuensi dalam kalangan pelajar di tiga buah sekolah menengah luar bandar di daerah Keningau. Sampel bertujuan digunakan untuk mendapatkan maklumat, iaitu seramai 130 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua yang pernah melakukan tingkah laku yang dikategorikan sebagai delinkuen dan direkodkan dalam buku rekod salah laku pelajar oleh unit Hal Ehwal Murid sekolah berkenaan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang telah diubahsuai daripada penyelidik-penyelidik lepas seperti Ariffin (1998), Che Halimah bte Ahmad (2003) dan Sharifah Raudzah (2008). Instrumen soal selidik yang diubahsuai telah mendapat pengesahan daripada tiga orang pensyarah UMS. Instrumen soal selidik ini digunakan untuk membuat kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan dan analisis kesahihan Kajian ini dianalisis menggunakan *Perisian Statistical Packages For the Social Science (SPSS) For Windows (Version 16.0)* berbentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, sisihan piawai dan min serta statistik inferensi iaitu Ujian t dua hujung, analisis varians (ANOVA) sehalu menguji perbezaan faktor demografi dengan tingkah laku delinkuen dan korelasi pearson untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Hasil kajian mendapati faktor rakan sebaya (aras signifikan 0.00) dan faktor keluarga (aras signifikan 0.010) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen, manakala analisis demografi pula mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku delinkuen mengikut jantina dan keturunan. Beberapa cadangan dan penambahbaikan juga di kemukakan untuk kajian berkaitan dengan tajuk ini pada masa akan datang.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the factors that caused the delinquency among students in three rural secondary schools in the district of Keningau. Samples used are intended to gather information, in which a total of 130 respondents taken among form two students who perform behaviours that are categorised as delinquent and recorded in the Students' Misconduct Record Book by the unit of Student Affairs in particular school. Questionnaires are being used in this study and were modified from the previous researchers, such as Ariffin (1998), Che Halimah bte Ahmad (2003) and Sharifah Raudzah (2008). The modified instruments were verified by three lecturers in UMS. The survey instrument are used to make a pilot study to test on the reliability / validity analysis. The study was analyzed by using "Statistical Software Packages For the Social Sciences (SPSS) for Windows (Version 16.0)", in the form of descriptive statistics of percentage, frequency, mean and standard deviation and inferential statistical t-test two-tailed, one way analysis of variance (ANOVA) to test on the dissimilarity in demographic factors and delinquency and Pearson correlation to test the relationship between independent variables with the dependent variables. The study found that peer group (significance level 0.00) and family factors (significance level 0.010) was significantly related to delinquent behaviour, meanwhile demographic analysis also found that there is no significant differences in delinquent behaviour following gender and heredity. Some suggestions and improvements also have been provided for related topic for future studies.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	TAJUK	
	PENAKUAN CALON	i
	PENGESAHAN	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Skop Kajian	16

1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	17
1.12	Kerangka Konseptual Kajian	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori dan Konsep Tingkah Laku Delinkuen	25
2.3	Teori Luaran dan Perbuatan Devian Emile Durkheim	27
2.4	Teori Naluri Keagresifan Sigmund Freud dan Teori Kekecewaan-Keagresifan	31
2.5	Teori Pembelajaran Sosial	34
2.6	Kajian Lepas Berkaitan dengan Tingkah Laku Delinkuen	34
2.6.1	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Penyumbang Kepada Tingkah Laku Delinkuen.	36
2.6.2	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Demografi (Jantina, Saiz Keluarga, Pendapatan Keluarga dan Tahap Pendidikan Ibubapa).	37
2.6.3	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Diri Pelajar dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	38
2.6.4	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Keluarga dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	39
2.6.5	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Rakan Sebaya dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	41
2.6.6	Kajian Lepas Berkaitan dengan Faktor Guru dan Persekitaran Sekolah Hubungannya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	44
2.7	Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	52
3.4	Tempat Kajian	52
3.5	Alat Kajian	
3.5.1	Struktur Alat Kajian	53
3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Pemboleh Ubah Kajian	57
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	57
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	58
3.9.1	Alpha Cronbach	58
3.9.2	Ujian $-t$	59
3.9.3	ANOVA	59
3.9.4	Korelasi Pearson	59
3.10	Rumusan	60

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	61
4.2	Profil Responden	61
4.2.1	Jantina	62
4.2.2	Umur	62
4.2.3	Keturunan	63

4.2.4	Pekerjaan Ibu Bapa dan Penjaga	64
4.2.5	Pendapatan Ibu Bapa dan Penjaga	65
4.2.6	Bilangan Adik Beradik	66
4.2.7	Kekerapan Tingkah Laku Delinkuen	67
4.3	Dapatan Kajian	
4.3.1	Perbezaan Tingkah Laku Delinkuen Mengikut Jantina.	69
4.3.2	Perbezaan Tingkah Laku Delinkuen Mengikut Keturunan.	71
4.3.3	Hubungan Faktor Diri Sendiri dengan Tingkah Laku Delinkuen.	73
4.3.4	Hubungan Faktor Keluarga dengan Tingkah Laku Delinkuen.	75
4.3.5	Hubungan Faktor Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	77
4.3.6	Hubungan Faktor Guru dan Persekitaran Sekolah dengan Tingkah Laku Delinkuen.	79
4.4	Rumusan	80

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	82
5.2	Ringkasan Kajian	82
5.3	Perbincangan dan Kesimpulan	83
5.3.1	Perbezaan Jantina	83
5.3.2	Perbezaan Keturunan	84

5.3.3	Hubungan Faktor Diri Sendiri	85
5.3.4	Hubungan Faktor Keluarga	86
5.3.5	Hubungan Faktor Rakan Sebaya	87
5.3.6	Hubungan Faktor Guru dan Persekitaran Sekolah	88
5.4	Implikasi Kajian	89
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.6	Kesimpulan	93
	Bibliografi	95
	Lampiran	103

SENARAI JADUAL

JADUAL	BIL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual	2.1 :	Klasifikasi Merton (1975) <i>Typology of Adaptations</i>	29
Jadual	3.1 :	Menunjukkan Jumlah Pelajar yang Terlibat Sebagai Responden dan Lokasi Kajian	53
Jadual	3.2 :	Kod dan Kategori Persetujuan Borang Soal Selidik.	55
Jadual	3.3	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahihan Instrumen	56
Jadual	4.1 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina.	62
Jadual	4.2 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur.	62
Jadual	4.3 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Keturunan.	63
Jadual	4.4 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga.	64
Jadual	4.5 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa atau Penjaga.	65
Jadual	4.6 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Saiz Keluarga.	66
Jadual	4.7 :	Taburan Kekerapan dan Peratusan Pengelibatan Responden dengan Tingkah Laku Delinkuen.	67
Jadual	4.8 :	Analisis Ujian – χ^2 Dua Hujung, Perbezaan Tingkah Laku Delinkuen Mengikut Jantina.	69
Jadual	4.9 :	Analisis ANOVA–Satu Hala, Perbezaan Tingkah Laku Delinkuen Mengikut Keturunan.	71
Jadual	4.10 :	Analisis Korelasi Pearson, Hubungan Faktor Diri Sendiri dengan Tingkah Laku Delinkuen.	73
Jadual	4.11 :	Analisis Korelasi Pearson, Hubungan Faktor Keluarga dengan Tingkah Laku Delinkuen.	75

Jadual	4.12 :	Analisis Korelasi Pearson, Hubungan Faktor Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Delinkuen.	77
Jadual	4.13 :	Analisis Korelasi Pearson, Hubungan Faktor Guru dan Persekitaran Sekolah dengan Tingkah Laku Delinkuen.	79

SENARAI RAJAH

RAJAH	BIL	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah	1.1	: Kerangka Konseptual Kajian	23
Rajah	2.1	: Teori Naluri Keagresifan Sigmund Freud	32
Rajah	2.2	: Teori Kekecewaan –Keagresifan	33
Rajah	2.3	: Kerangka Teori Pembelajaran Sosial Tentang Keagresifan (Albert Bandura)	35
Rajah	3.1	: Proses Penyelidikan Linear dan Kitaran Penyelidikan.	51

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN BIL PERKARA

ANOVA	1	: Analisis Varian
HSD	2	: <i>Honestly Significant Difference</i>
FPK	3	: Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GO	4	: <i>Government Organisation</i>
NGO	5	: <i>Non Government Organisation</i>
JERI	6	: Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
KBSR	7	: Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	8	: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
R & D	9	: <i>Research and Development</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN BIL PERKARA

- | | | |
|----------|---|---|
| Lampiran | 1 | : Surat kebenaran khas menjalankan penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia. |
| Lampiran | 2 | : Surat Memohon Kebenaran Mengutip Data dan Menjalankan Kajian Daripada Pegawai Pelajaran Daerah Keningau. |
| Lampiran | 3 | : Set Soal Selidik |
| Lampiran | 4 | : Perakuan Pemeriksaan Lisan |
| Lampiran | 5 | : Log Desertasi (1,2,3) |
| Lampiran | 6 | : Notis Pemeriksaan Desertasi (Borang Notis Viva 1.2) |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tingkah laku delinkuen pelajar semakin hangat diperkatakan masa kini. Setiap hari dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku atau tingkah laku delinkuen dilakukan oleh pelajar. Malah isu ini juga mendapat liputan media massa yang meluas seolah-olah isu masalah disiplin ini mempunyai nilai komersialnya yang tersendiri (Cheang, 1995). Apabila ditinjau sebenarnya isu masalah delinkuen ini bermula sejak zaman nenek moyang apabila manusia mengenal tatasusila namun cara dan perlakuan delinkuen remaja yang berbeza mengikut zaman. Menurut Mohd Asri (1997), keruntuhan nilai sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Fenomena ini dikatakan mula menular dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada awal tahun 1960an. Namun tahap peningkatan gejala keruntuhan nilai sosial ini semakin berleluasa pada akhir tahun 1980an, 1990an sehinggalah ke hari ini. Keadaan ini amat membimbangkan kerana kebanyakan mereka yang terlibat dengan gejala ini adalah golongan pelajar yang merupakan aset penting atau modal insan yang mencorakkan negara pada masa akan datang.

Menurut Azizi *et al.*, (2005), memberikan tafsiran iaitu bagi remaja yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini merujuk kepada mereka yang masih bersekolah atau remaja bawah umur, mereka dikenali sebagai delinkuen. Secara umumnya devian atau delinkuen adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar kian membimbangkan. Pelbagai kes seperti murid melawan guru, pelajar menendang guru, pelajar merosakkan harta benda sekolah, ponteng sekolah, terlibat dengan pergaduhan dan pelbagai lagi tingkah laku delinkuen sering menghiasi dada akhbar. Omardin (1998) menyatakan dalam kajiannya bahawa pelbagai forum dan seminar diadakan untuk meningkatkan taraf disiplin pelajar dan sering mendapat liputan di halaman hadapan dada akhbar dan lidah pengarang akhbar-akhbar tempatan .

Menurut sumber daripada (Berita Harian 28 April 2010), menyatakan ketika ini pelbagai masalah sosial membabitkan remaja dan perkara ini mencengkam masyarakat kita. Kes pembuangan bayi, merokok, merempit, menagih dadah, seks bebas, vandalisme, lari dari rumah dan macam-macam lagi salah laku jenayah, cukup merisaukan semua pihak. Ternyata ibu bapa dilihat semakin hilang kawalan terhadap anak yang semakin liar. Mereka juga menghadapi masalah mendidik dan membentuk anak menjadi manusia berguna mengikut acuan dikehendaki.

Apa lagi yang tidak cukup di sekolah sehinggakan pelajar bertindak sesuka hati? Dalam soal pendidikan formal, pelbagai subjek memandu pelajar ke arah nilai-nilai positif dalam menempuh kehidupan seharian. Menurut Zarin (1990), Rahimah, (1998) dan Vishalache (2009) , Pendidikan moral atau pengajaran nilai-nilai murni harus diintegrasikan dalam setiap mata pelajaran contohnya mata pelajaran Agama Islam, Pendidikan Moral dan komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta pendidikan Sivik dan Kenegaraan telah menampilkan nilai-nilai yang menjadi teras dalam kehidupan seharian seperti beradab sopan, menghormati orang lain, menghormati negara dan undang-undang, malah menanam sikap bekerjasama, mementingkan kebersihan dan sebagainya.

Di sekolah juga sudah disediakan aktiviti kokurikulum yang terbahagi kepada beberapa bahagian seperti kelab, sukan dan pakaian seragam. Aktiviti ini jika disertai pelajar dengan komitmen tinggi akan menjinakkan mereka dengan kepelbagaian nilai positif seperti tabah, berani, bertanggungjawab dan berdikari. Menurut Mohd. Sofian Omar Fauzee *et al.*, (2002) kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nila-nilai yang telah dipelajari semasa pembelajaran di bilik darjah. Dalam hal ini Pelajar yang mempunyai kesedaran pentingnya mengikuti sebahagian daripada program di sekolah setidak-tidaknya akan dapat menghindarkan diri mereka daripada sebarang unsur tidak sihat. Kemungkinan mereka terjebak dengan kancah tidak sihat adalah bertolak daripada tiada pengisian dalam jiwa dan kegiatan harian mereka. Mereka yang tidak berminat dengan pelajaran dan aktiviti kokurikulum di sekolah memudahkan mereka terjebak dengan rakan-rakan tidak baik di luar sekolah. Di sekolah pun, jika ada sekumpulan pelajar yang tidak berminat dengan pelajaran, mereka akan membentuk satu kumpulan yang mantap, berani dan mudah melakukan sebarang kegiatan tidak sihat.

Dalam hal ini juga Kegiatan kokurikulum dapat mengisi kekosongan dan mengukuhkan interaksi antara pelajar dan sekaligus memupuk integrasi antara kaum di samping memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang yang boleh membentuk pelajar supaya menjadi warganegara yang berguna (Wee Eng Hoe, 1996).

Menurut kajian oleh Mohd Lutfi (1997), aktiviti kokurikulum memberi kesan yang positif terhadap keperibadian pelajar. Dalam hal ini pelajar yang terlibat dengan kegiatan kokurikulum dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat atau tingkah laku delinkuen. Tidak cukup dengan itu, sekolah juga mempunyai badan disiplin yang bertindak mengawal tingkah laku pelajar serta menekankan aspek yang perlu di jauhi oleh pelajar sebagai pelengkap sahsiah. Dalam

surat pekeliling ikthisas (KP/BS/HEP)8543/053 Jld.2, 2006) bertajuk" Pemantapan Pengurusan Disiplin Murid di Sekolah," ada menyatakan bahawa peranan guru disiplin perlu bersifat holistik dalam menangani masalah pelajar, unsur-unsur bersifat provokasi hendaklah dielakkan. Guru perlu sentiasa mengingatkan pelajar kesan negatif pelanggaran disiplin atau akibat buruk yang bakal diterima jika kesalahan dilakukan di luar sekolah supaya pelajar dapat menjaga imej mereka sebagai pelajar dan nama baik sekolah. Walau bagaimanapun gejala delinkuen ini masih lagi berleluasa dan dan kian membimbangkan semua pihak terutamanya ibubapa dan guru-guru yang dikatakan sentiasa mendampingi dan orang yang bertanggungjawab membimbing dan mendidik pelajar.

Menurut fakta, sumber daripada Akhbar Berita Harian 27 jun 2009, menyatakan terdapat 5.4 juta pelajar di seluruh negara. Indeks pembabitian pelajar dalam jenayah 0.03 peratus berbanding jumlah keseluruhan jumlah tersebut. Usia pelajar terlibat dengan masalah salah laku disiplin ialah dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun. Dalam statistik polis yang juga dimuatkan dalam kenyataan akhbar tersebut mengatakan bahawa pada tahun 2007 seramai 1,837 kes jenayah yang membabitkan remaja dan 3,383 pelajar ditahan dan pada tahun 2008 kadar jenayah remaja meningkat kepada 2,218 kes dan 3,725 pelajar ditahan. Situasi ini menunjukkan bahawa kadar jenayah dalam kalangan remaja semakin meningkat dari setahun ke setahun dan merunsingkan semua pihak terutamanya ibubapa.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kes salah laku pelajar di semua sekolah di seluruh negara pada 2010 ialah 111,484 dan 72,657 daripadanya melibatkan pelajar sekolah menengah dan selebihnya 38,927 murid sekolah rendah. Daripada jumlah itu, 19,545 kes ponteng sekolah dicatatkan sepanjang tempoh berkenaan yang mana pada ketika itu tiada aktiviti pembelajaran. Menurut statistik itu juga, tiga peratus daripada lima juta pelajar sama ada dari sekolah menengah mahupun rendah di seluruh negara terbabit dengan masalah disiplin pada 2010, (Berita Harian 28 Disember 2010). Ada yang berpendapat angka

ini tidak begitu tinggi kerana 97 peratus daripadanya tidak terlibat langsung dengan sebarang salah laku sepanjang sesi persekolahan tahun tersebut. Walau bagaimanapun masalah ini tidak boleh dianggap ringan kita perlu mencari intervensi untuk mengurangi dan mengatasi masalah tersebut agar ianya tidak menular dan sebilangan kecil tadi akan menjadi virus, mempengaruhi remaja yang lain bertingkah laku delinkuen.

Baru-baru ini juga kita dikejutkan dengan berita pelajar tingkatan lima membelasah guru disiplin yang disiarkan oleh Berita Harian 14 september 2012. Kejadian ini sangat menakutkan kita semua, manakah nilai-nilai murni, sopan santun dan ajaran rohani yang kita terapkan dalam diri pelajar selama lebih 11 tahun pelajar berada di sekolah sehinggakan pelajar hilang harga diri dan hormat kepada guru yang pada masa dahulu sangat dihormati, adakah kita mungkin perlu menggunakan pendekatan zaman nenek moyang yang dikatakan sangat berkesan iaitu menggunakan rotan menghukum pelajar yang melakukan kesalahan, kenyataan ini di sokong oleh pendapat Larzelere (2003), menyatakan dalam keadaan-keadaan tertentu, menggunakan hukuman berat seperti memukul atau merotan membuatkan anak itu lebih berdisiplin, berbanding anak-anak yang tidak dikenakan hukuman dan hanya menggunakan nasihat, amaran ataupun didenda. Jika hukuman berat ini dan tidak memalukan anak-anak itu, maka hukuman itu ialah yang paling baik bagi mendisiplinkan anak-anak. Dalam hal yang demikian kita sebagai guru, ibubapa dan mungkin memainkan peranan kedua-duanya perlu mencari kaedah yang terbaik dan lebih efektif bagaimana menangani masalah delinkuensi dan cara membimbing anak kita daripada terlibat dengan gejala ini.

Kenyataan ini juga turut diakui oleh Kementerian Pendidikan yang menyifatkan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar kian meruncing dengan sekian ramai pelajar menghadapi masalah emosi, personaliti dan keluarga. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh bahagian statistik Bukit Aman penjenayah seawal tujuh tahun telah menunjukkan penurunan kepada 1847 pada tahun ini berbanding angka yang besar pada tahun 2009. Disamping itu dengan berita terbaru daripada sekolah harapan di Melaka yang telah ditubuhkan pada September tahun lalu berjaya

melahirkan 83 bayi. Hal ini menunjukkan gejala sosial semakin runcing dan perlu diatasi segera. (Berita Harian Online 2 September 2012).

Persoalannya, siapakah yang harus dipersalahkan? dan Adakah sistem pendidikan di negara kita masih belum mampu mencari formula bagi menangani gejala ini? Atau adakah sistem pendidikan negara kita masih belum berkesan untuk membentuk keperibadian dan moral pelajar-pelajar? Atau adakah sekolah tidak berperanan untuk mendidik dan menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar-pelajar? Atau adakah ibu bapa sendiri tidak memainkan tanggungjawab yang sewajarnya dalam mendidik anak-anak.

1.3 Pernyataan Masalah

Kalau dirujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang diumumkan pada tahun 1988, kita dapat merumuskan bahawa kerajaan berhasrat untuk melihat pendidikan di Malaysia sebagai medium untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial (JERIS).

Begitu juga dengan KBSM, prinsip-prinsip yang digubal jelas menampakkan usaha ke arah kesepaduan ilmu berasaskan konsep *JERIS* dan penekanan nilai-nilai murni. Laporan Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Utama menunjukkan, selain nilai-nilai murni dalam kurikulum KBSM, pelajar juga diajar secara tidak langsung berkenaan kurikulum tersembunyi (*hidden curriculum*). (Syed Nazri, New straits times 12 Mei 2005:19).

Namun persoalannya, kenapa timbul juga isu keruntuhan moral dan tingkah laku disiplin di kalangan pelajar? Sebenarnya perkara ini tidaklah menghairankan kita sebab seberapa ramai manusia boleh menulis ribuan falsafah dan prinsip-prinsipnya, namun setakat manakah pelaksanaannya dapat direalisasikan secara ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Berdasarkan tinjauan literatur penyelidik telah mengenal pasti pelbagai faktor yang menjadi penyebab kepada berlakunya tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah antaranya ialah faktor :

Diri sendiri pelajar yang menjadi penyumbang kepada pembentukan personaliti mereka dan mempengaruhi tingkah laku delinkuen. Pelajar yang tidak ada kemahiran mengurus diri yang baik sering terdedah kepada berlakunya tingkah laku delinkuen. Menurut Mohd. Ismail (2006) kemahiran mengurus diri adalah salah satu daripada kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja. Tanpa ada kemahiran mengurus diri, remaja gagal menonjolkan dan menyerlahkan kekuatan dan sifat positif yang ada dalam dirinya. Ada kalangan pelajar yang masih lemah dalam pengurusan diri, keadaan ini berlaku terutamanya kepada pelajar-pelajar yang kurang bermotivasi dan tidak berminat untuk belajar dan datang ke sekolah hanyalah sekadar memenuhi tuntutan ibubapa. Tambahan pula pelajar yang tidak menguasai 3M dan gagal dalam peperiksaan PMR tetapi diberi peluang dalam bidang akademik ke tahap SPM juga menjadi punca berlakunya tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar.

Manakala dari sudut psikologi faktor diri sendiri pula, Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi. Perasaan kadang kala lebih berpengaruh daripada fikiran. Arieff dan Wardah juga menjelaskan suka duka kehidupan akan membentuk kerangka perlakuan remaja itu sendiri. Perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja ini akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan ini akan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Menurut Azizi dan Rosnah (2007), fenomena ini mungkin berlaku disebabkan remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Faktor keluarga merupakan antara faktor penyebab berlakunya tingkah laku delinkuen. Pendapat penyelidik ini disokong oleh Zainal dan Sharani (2004) yang menjelaskan kesan daripada kaedah pengawalan autokratik akan menghasilkan gabungan antara pemberontakan dan pergantungan. Kajian Bronstein (1994) juga menunjukkan ibu bapa yang mesra dan menyokong akan memberi kesan terhadap tingkah laku positif di kalangan anak-anak, manakala jenis ibu bapa yang suka menghukum akan memberi kesan terhadap tingkah laku negatif dalam kalangan anak-anak.

Dalam kebanyakan hal kedua-dua ibubapa bekerja dan kurang masa bersama anak-anak menyebabkan anak-anak kekurangan kasih sayang. Arieff dan Wardah (2006) yang menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Apabila anak-anak pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah. Oleh itu, remaja lebih suka menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebelum pulang ke rumah. Ruang masa bersama rakan-rakan yang terlalu panjang dan tanpa pemantauan dari ibubapa boleh membuka ruang kepada anak-anak tersebut terjerumus kepada tingkah laku delinkuen. Kesibukan mereka sehingga tiada masa mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. Kajian Azizah Lebai Nordin (2002) menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai hubungan erat dengan keluarga kurang menghadapi masalah disiplin. Dalam hal yang demikian salah satu kaedah atau cara menghalang pelajar terlibat dengan tingkah laku delinkuen ialah ibubapa perlu mendampingi anak-anak sekerap yang mungkin dan menjadikan anak sebagai kawan.

Rakan sebaya juga boleh menjadi penyumbang kepada berlakunya tingkah laku delinkuen. Menurut Melgosa (2003) Rakan sebaya ialah dimana pelajar belajar tentang bagaimana membandingkan diri mereka tentang fizikal yang mereka miliki, pemikiran, emosi dan rakan sebaya sebagai titik rujukan yang menjawab persoalan siapa diri pelajar. Rakan sebaya juga tempat dimana pelajar berkongsi emosi belajar tentang nilai-nilai moral dan bagaimana menghormati nilai-nilai masyarakat. Dalam hal yang demikian sekiranya pelajar silap memilih rakan yang bertingkah laku